

PEMESONGAN PENTAFSIRAN KONSEP *AL-TAKFIR* DAN *AL-BARA'*: ANALISIS WACANA GOLONGAN PENGGANAS MELALUI MANHAJ KRITIK MATAN HADIS

Distorting the Concepts of *al-Takfir* and *al-Bara'*: Analyzing Terrorist Group Discourses via Hadith Textual Criticism Methods

Wan Ji Bin Wan Hussin^{*1} & Burhan Bin Che Daud²

¹Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Kelantan 16300 Bachok, Kelantan, Malaysia

²Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Kelantan 16300 Bachok, Kelantan, Malaysia [ORCID ID [0000-0003-4171-0386](https://orcid.org/0000-0003-4171-0386)]

*Corresponding author: burhan@umk.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.17576/turath-2026-1101-06>

Article history

Received: 12/04/2026

Revised: 09/06/2026

Accepted: 14/06/2026

Published: 30/06/2026

Abstrak

Pentafsiran konsep-konsep utama dalam Islam sering dikemukakan dalam perspektif yang tidak tepat dan bertentangan dengan kehendak syariat oleh sesetengah golongan dalam masyarakat. Ini termasuklah pentafsiran golongan pengganas terhadap ayat-ayat al-Quran yang dikaitkan dengan konsep *al-takfir* dan *al-bara'*. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan menganalisis pemesongan pentafsiran tersebut menggunakan pendekatan manhaj kritik matan hadis. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Data dikumpulkan daripada al-Quran, hadis, kitab-kitab tafsir dan syarahan hadis serta disokong oleh kajian-kajian ilmiah terkini. Data dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik bagi mengenal pasti aspek pemesongan dalam pentafsiran golongan pengganas tersebut. Hasil kajian mendapati bahawa fahaman *terorisme* lahir daripada pentafsiran sempit golongan pengganas terhadap konsep *hakimiyyah* (kuasa mutlak) yang dijadikan sandaran dan justifikasi bagi melabelkan *al-takfir* (mengkafirkan) pemerintah negara dan penyokongnya, serta masyarakat Islam yang berbeza pendapat dalam perkara-perkara yang diperselisihkan. Pentafsiran golongan ini didapati bercanggah dengan ijmak ulama Ahli Sunah Waljamaah seperti berkenaan isu pelaku dosa besar tidak terkeluar daripada Islam selagi tidak menghalalkan perlakuan dosa tersebut. Tambahan pula, golongan ini menyalahgunakan konsep *al-bara'* dengan menjadikannya asas kebencian mutlak terhadap golongan bukan Muslim, sedangkan al-Quran dan hadis menunjukkan kewajipan berlaku adil, berbuat baik, dan menghormati hak kemanusiaan mereka. Dapatan menunjukkan bahawa hujah-hujah golongan pengganas ini tidak menepati disiplin kritik matan hadis, bersifat terpisah daripada konteks, serta mengabaikan pandangan ulama muktabar. Kajian ini mengangkat Manhaj Kritik Matan Hadis sebagai alat dan mekanisme penting bagi membongkar kelemahan ideologi golongan pengganas dan mengembalikan kefahaman agama kepada prinsip-prinsip keadilan (*'adl*), kerahmatan (*rahmah*), dan kesucian matlamat syariat (*maqasid al-syari'ah*).

Kata Kunci: *al-Bara'*, *hakimiyyah*, hadis, manhaj kritik, *al-Takfir*

Abstract

Interpretations of key Islamic concepts are often presented through inaccurate perspectives that contradict the requirements of Sharia by certain groups within society. This includes the interpretations of terrorist groups regarding Quranic verses associated with the concepts of *al-takfir* (excommunication) and *al-bara'* (disassociation). Accordingly, this study aims to analyze these interpretive deviations using the hadith textual criticism methods. This study employs a qualitative methodology. Data were collected from the Quran, hadith, classical commentaries (tafsir), and adith explanations (*shuruh*), further supported by contemporary scholarly research. The data were analyzed using a thematic analysis approach to identify the specific aspects of deviation within the interpretations of these terrorist groups. The findings indicate that terrorist ideology stems from a narrow interpretation of the concept of *hakimiyyah* (sovereignty), which is used as a foundation and justification for labelling the government, its supporters, and Muslim communities who hold differing opinions on disputed matters as kafir (*al-takfir*). Such interpretations are found to contradict the consensus (*ijma'*) of Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah scholars, who emphasize that a perpetrator of a major sin is not excluded from Islam unless they declare the sinful act as permissible. Furthermore, these groups misuse the concept of *al-bara'* by transforming it into a basis for absolute hatred toward non-Muslims, despite the Quran and hadith mandating justice, kindness, and respect for their human rights. The results demonstrate that the arguments posited by terrorist groups fail to adhere to the discipline of hadith textual criticism, are decontextualized, and ignore the views of authoritative scholars. This study promotes the Methodology of Hadith Textual Criticism as a vital tool and mechanism to dismantle the weaknesses of terrorist ideology and restore religious understanding to the principles of justice (*'adl*), mercy (*rahmah*), and the higher objectives of Sharia (*maqasid al-shari'ah*).

Keywords: *al-Bara'*, Criticism method, *hakimiyyah*, hadith, *al-Takfir*

PENGENALAN

Penggunaan (*terrorism*) adalah pendekatan keras, intimidasi dan keganasan sebagai kaedah untuk mencapai tujuan yang ditentukan. Ia dilakukan untuk menimbulkan perasaan panik dan gerun dalam masyarakat dan negara. (Mohd Khairul Naim & Muhamad Syafriz, 2020) Namun begitu, penggunaan tidak mempunyai satu definisi yang disepakati. Alex P. Schmid, seorang penyelidik di *International Centre of Counter-Terrorism* (ICCT) menyatakan bahawa terdapat 260 definisi penggunaan yang telah dirumuskan oleh pelbagai pihak. (Muhamad Syafriz & Mohd Khairul Naim, 2021) Secara umum, definisi penggunaan merangkumi dua asas utama iaitu pertama, Sebarang perlakuan yang boleh menimbulkan ketakutan dalam kalangan awam, sama ada dilakukan secara individu mahupun secara berkumpulan. Kedua, perlakuan tersebut melibatkan penggunaan senjata.

Dalam konteks kajian ini, fokus utama ialah meneliti pentafsiran golongan pengganas terhadap konsep *al-takfir* dan *al-bara'* melalui beberapa ayat al-Quran dan hadis terpilih yang menjadi asas ideologi penggunaan mereka. Pentafsiran yang tidak benar telah menatijahkan tindakan penggunaan yang bertentangan dengan kehendak nas dan syariat Islam yang adil serta sederhana.

Konsep *al-takfir* dan *al-bara'* menjadi antara isu utama dalam wacana pemikiran Islam kontemporari, khususnya apabila ia disalahgunakan oleh golongan pengganas untuk mewajarkan tindakan kekerasan dan keganasan dalam masyarakat. Kedua-dua konsep ini jika dilihat dalam neraca ilmu dan kerangka prinsipnya, ia mempunyai batasan hukum yang ketat sebagaimana dibahaskan oleh ulama sejak era klasik. Namun, golongan pengganas mentafsirkan konsep tersebut dengan cara yang menyeleweng daripada tradisi pentafsiran muktabar. Mereka

menjadikannya asas ideologi radikal yang membawa kepada pemisahan dengan arus perdana pemikiran Islam (Tayyib, 2014).

Asas pemikiran ini berpunca daripada penafsiran sempit terhadap konsep *hakimiyyah* yang ditafsirkan oleh mereka sebagai kedaulatan mutlak bagi Allah semata. Sementara itu, majoriti ulama menjelaskan makna *hakimiyyah* ialah hak mutlak Allah sebagai Pembuat Hukum Tertinggi. Namun diberi ruang kepada manusia melalui akal dan ijtihad untuk menggubal undang-undang tertentu, mentadbir dan mengurusnya. Ia juga merupakan prinsip keagamaan yang menekankan keadilan hukum dan kepatuhan syariah dalam kerangka *Maqasid al-Syari'ah*. Golongan pengganas menjadikan konsep tersebut sebagai justifikasi bagi menuduh pemerintah yang tidak berhukum secara total dengan hukum Allah sebagai kafir, bahkan melabel mereka sebagai taghut atau jahil (Hamzah, 2015). Natijah daripada penafsiran ini, mereka secara sewewenang-wenangnya menuduh kafir bukan sahaja terhadap pemerintah, tetapi juga sesiapa yang menyokong atau tidak mengkafirkan pemerintah tersebut. (al-Qurradaghi, 2018).

Lebih ekstrem lagi, terdapat kelompok yang menganggap individu yang pernah ber*bai'ah* dengan kumpulan mereka lalu keluar daripada *bai'ah* tersebut sebagai murtad, sekali gus dihalalkan darah. Malah, terdapat pandangan lebih keras yang meragui keislaman seseorang Muslim hanya kerana menetap di negara bukan Islam tanpa berusaha menukar negara tersebut menjadi negara Islam, walaupun dengan jalan kekerasan (Hamzah, 2016). Pandangan seperti ini menunjukkan betapa radikal aplikasi konsep *al-takfir* dalam kalangan pengganas.

Fenomena *al-takfir* ini bukanlah perkara baharu. Menurut Ahmad Tayyib (2014), sebelum golongan pengganas menghalalkan pertumpahan darah, mereka terlebih dahulu menuduh kafir sesama Muslim. Beliau menegaskan bahawa amalan ini mempunyai akar sejarah sejak zaman awal Islam, khususnya dalam persekitaran golongan Khawarij yang menjadikan doktrin *al-takfir* sebagai asas pemisahan dan pengasingan kelompok mereka daripada umat Islam yang lain. Pandangan ini turut diperkuatkan oleh al-Qurradaghi (2018) yang menegaskan bahawa mengkafirkan ahli kiblat tidak pernah menjadi amalan Ahli Sunah Waljamaah, sebaliknya merupakan warisan Khawarij yang menyeleweng daripada prinsip-prinsip asal Islam.

Setelah konsep *al-takfir* dijadikan doktrin, golongan pengganas mengikat dan menghubungkan pula dengan konsep *al-bara'*. Mereka memahami *al-bara'* sebagai tuntutan akidah untuk membenci dan memutuskan hubungan dengan orang kafir secara mutlak, serta menjadikan kebencian ini asas kepada legitimasi jihad bersenjata. Ayat al-Quran berikut sering dijadikan hujah mereka. Firman Allah SWT:

مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ وَالَّذِينَ مَعَهُ أَشِدَّاءُ عَلَى الْكُفَّارِ رُحَمَاءُ بَيْنَهُمْ

Maksudnya: Muhammad itu adalah Rasul Allah; dan orang-orang yang bersamanya bersikap keras terhadap orang kafir (yang memusuhi Islam), dan sebaliknya berkasih sayang sesama mereka (umat Islam). (Al-Quran, Surah al-Fath 48:29)

Pentafsiran literal terhadap ayat ini membawa kepada doktrin kebencian mutlak terhadap orang bukan Islam, tanpa mengambil kira konteks, syarat, atau pentafsiran ulama yang lebih luas dan seimbang. Akibatnya, konsep *al-takfir* dan *al-bara'* dijadikan justifikasi ideologi bagi menghalalkan peperangan dan tindakan kekerasan ke atas pihak yang mereka anggap kafir. Justeru, kajian mengemukakan penjelasan terhadap kedua-dua konsep ini dan analisis pemesongan pentafsiran yang berlaku dengan menggunakan manhaj kritik matan hadis. Pendekatan ini diyakini sesuai dan berkesan untuk menilai kesahihan hujah mereka, membongkar kerangka pemesongan dalam pentafsiran, serta memberi naratif alternatif yang tepat dan selari dengan tradisi Ahli Sunah Waljamaah.

METODOLOGI

Dalam penyelidikan, sesuatu pengetahuan hanya dapat diterima sebagai benar apabila ia dihasilkan melalui kaedah yang sahih serta berpaksikan kepada analisis data yang tepat. Memandangkan sifat isu yang menjadi fokus kajian diteliti melalui analisis mendalam terhadap teks, naratif, dan doktrin yang dibangunkan oleh golongan teroris, maka kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Pendekatan kualitatif membolehkan penyelidik memahami fenomena secara menyeluruh melalui penghuraian terperinci, bukan semata-mata dengan alat pengukuran kuantitatif berbentuk angka atau statistik (Adam & Mahali, 2015).

Sifat data kajian ini terdiri daripada teks, sama ada al-Quran, hadis, ataupun karya ulama yang ditafsirkan oleh golongan teroris, serta dokumen ilmiah yang membahaskan manhaj kritik matan hadis. Data berbentuk teks ini amat kompleks kerana ia memuatkan makna yang berlapis-lapis dalam perspektif dan pelbagai konteks. Oleh itu, kaedah analisis induktif dipilih bagi membolehkan penyelidik mentafsir setiap maklumat dengan cermat, lalu membina kefahaman komprehensif terhadap fenomena yang dikaji (Mohd Yusri, 2017).

Skop kajian ini menumpukan kepada ayat-ayat al-Quran dan hadis yang dijadikan hujah oleh golongan teroris bagi mengabsahkan pentafsiran mereka yang menyeleweng. Jadual 1 menyenaraikan ayat-ayat al-Quran dan hadis yang dijadikan sebagai subjek kajian:

Jadual 1: Senarai Ayat al-Quran dan Hadis Sebagai Teks Kajian

Bil.	Teks / Ulasan	Surah & No. Ayat/ Riwayat & No. Hadis	Sumber
Firman Allah SWT:			
1.	مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ وَالَّذِينَ مَعَهُ أَشِدَّاءُ عَلَى الْكُفَّارِ مُخَمَّاءُ بَيْنَهُمْ Maksudnya: Muhammad itu adalah Rasul Allah; dan orang-orang yang bersamanya bersikap keras terhadap orang kafir (yang memusuhi Islam), dan sebaliknya berkasih sayang sesama mereka (umat Islam). Berdasarkan ayat di atas, Umar Sayf menjadikan sandaran kepercayaan beliau untuk mengabsahkan tafsiran al-Bara' sebagai membenci orang bukan Muslim sebagai tuntutan akidah.	Surah al-Fath, 48:29	<i>Al-Idab lima fi Dustur al-Yaman min al-Kufr al-Bawwab wa Istinfar Abl al-Yaman li Jihād Abl al-Riddah wa al-Ilhad</i> , Markaz al-Shahid 'Azzam al-I'lāmī, Peshawar – Pakistan, h. 29
Firman Allah SWT:			
2.	فَإِذَا انسَلَخَ الْأَشْهُرُ الْحُرُمُ فَاقْتُلُوا الْمُشْرِكِينَ حَيْثُ وَجَدْتُمُوهُمْ وَخُذُوهُمْ وَأَحْصُواهُمْ وَاقْعُدُوا لَهُمْ كُلَّ مَرْصِدٍ فَإِنْ تَأَبَّوْا وَآقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ فَخَلُّوا سَبِيلَهُمْ إِنَّ اللَّهَ عَفُورٌ رَحِيمٌ Maksudnya: Apabila sudah habis bulan-bulan Haram itu, maka bunuhlah orang-orang Musyrikin itu dimana sahaja kamu menjumpai mereka, dan tangkaplah mereka. Kepunglah mereka dan intailah ditempat pengintaian. Jika mereka bertaubat dan mendirikan solat dan menunaikan zakat, maka berilah kebebasan kepada mereka untuk berjalan. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi maha Penyayang. Berdasarkan kepada ayat al-Quran di atas, Umar Sayf menyatakan bahawa kekufuran itu merujuk kepada satu puak sahaja. Kumpulan pengganas menggunakan hadis ini untuk menyokong kepercayaan mereka bahawa membunuh orang bukan Islam adalah tuntutan agama.	Surah al-Taubah, 9:5	<i>Al-Idab lima fi Dustur al-Yaman min al-Kufr al-Bawwab wa Istinfar Abl al-Yaman li Jihād Abl al-Riddah wa al-Ilhad</i> , Markaz al-Shahid 'Azzam al-I'lāmī, Peshawar – Pakistan, h. 29
3.	Abdullah bin Abi Awfa RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda: وَاعْلَمُوا أَنَّ الْجَنَّةَ تَحْتَ ظِلِّ السَّيْفِ	Riwayat al-Bukhari, no. 2118	<i>Fursan tahta rayat al-Nabi</i> , al-Sahb, h. 18 & <i>al-Jihād al-</i>

Maksudnya: Ketahuilah, sesungguhnya syurga di bawah bayang-bayang pedang.

Faridah al-Gha'ibah,
Palestine book, h. 6

Hadis ini dijadikan sandaran pengasas dan pemimpin kumpulan Tanzim al-Jihad bagi cawangan Kaherah yang memainkan peranan utama dalam perancangan pembunuhan Presiden Mesir, Anwar Sadat, pada 6 Oktober 1981 bernama Muhammad 'Abd al-Salam Faraj.

Daripada Abdullah bin Amr bin al-As RA bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda:

وَالَّذِي نَفْسُ مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ، لَقَدْ جِئْتُكُمْ بِالذَّبْحِ

Maksudnya: Demi nyawa Muhammad berada di tanganNya (Allah), sesungguhnya aku datang kepada kamu dengan sembelih.

4. Dengan hadis ini, Muhammad 'Abd al-Salam Faraj menyatakan bahawa Allah telah mengutuskan Nabi Muhammad SAW agar menyeru manusia supaya mentauhidkan Allah dengan pedang, iaitu selepas baginda menyeru mereka dengan hujah. Sesiapa yang tidak menerima dakwah Nabi Muhammad SAW yang menyeru kepada tauhid, sama ada dengan al-Quran, hujah dan penjelasan yang nyata, maka mereka hendaklah didakwah dengan pedang atau dengan erti kata lain dibunuh.

Riwayat Ahmad, no. 7036;
al-Bazzar, no. 2497 & Ibn
Hibban, no. 6567

al-Jibad al-Faridah al-
Gha'ibah, Palestine book, h.
6

Anas Ibn Malik RA berkata;

قَدِمَ أَنَسٌ مِنْ عُكْلٍ أَوْ عُرَيْنَةَ، فَاجْتَمَعُوا الْمَدِينَةَ، فَأَمَرَهُمُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِلِقَاحٍ، وَأَنْ يَشْرَبُوا مِنْ أَبْوَالِهَا وَالْبَائِغِ، فَانْطَلَقُوا، فَلَمَّا صَحُّوا، قَتَلُوا رَاعِي النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَاسْتَأْفُوا النَّعَمَ، فَجَاءَ الْحَبَرُ فِي أَوَّلِ النَّهَارِ، فَبَعَثَ فِي آثَارِهِمْ، فَلَمَّا ارْتَفَعَ النَّهَارُ جِيءَ بِهِمْ، فَأَمَرَ فُقِّعَ أَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُمْ، وَنُحِرَتْ أَعْيُنُهُمْ، وَأُلْقُوا فِي الْحَرَّةِ، يَسْتَسْقُونَ فَلَا يُسْقَوْنَ. قَالَ أَبُو قِلَابَةَ: فَهَؤُلَاءِ سَرَقُوا وَقَتَلُوا، وَكَفَرُوا بَعْدَ إِيمَانِهِمْ، وَخَارَبُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ

Maksudnya: Telah datang sekumpulan orang dari (kabilah) 'Ukl atau 'Urainah, lalu mereka merasa tidak serasi dengan suasana (iklim) Madinah. Maka Nabi SAW memerintahkan mereka supaya pergi ke tempat unta-unta zakat (yang diperah susunya), dan agar mereka meminum dari air kencing dan susunya. Maka mereka pun pergi. Setelah mereka sihat, mereka membunuh penggembala unta Nabi SAW dan melarikan unta-unta tersebut. Maka berita itu sampai kepada Nabi pada awal pagi. Baginda menghantar pasukan untuk menjejaki mereka. Ketika matahari sudah meninggi, mereka pun dibawa kembali. Lalu Nabi memerintahkan agar dipotong tangan dan kaki mereka, dicungkil mata mereka, dan mereka dicampakkan di kawasan berbatu (al-Harrah), dalam keadaan meminta air tetapi tidak diberi minum. Abu Qilabah berkata: Mereka ini telah mencuri, membunuh, murtad selepas beriman, dan memerangi Allah dan Rasul-Nya

- 5.

Riwayat al-Bukhari, no, 233 Fatwa Dar al-Ifta' ISIS

Hadis ini dijadikan sandaran ISIS terhadap amalan membakar tawanan perang. Mereka telah menyebarkan fatwa ini melalui media sosial. Dalam fatwa tersebut dinyatakan bahawa hukum asal membakar manusia dengan api ialah haram. Tetapi diharuskan sebagai tindak balas, sepertimana yang dilakukan oleh Nabi terhadap kelompok 'Uraniyin dengan mencungkil mata mereka dan membakar dengan menggunakan api sepertimana terdapat dalam hadis sahih. Inilah pendapat yang paling diterima berdasarkan kepada dalil-dalil.

Sahl bin Sa'ad RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

رَبَاطُ يَوْمٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ خَيْرٌ مِنَ الدُّنْيَا وَمَا عَلَيْهَا

Maksudnya: Ribat sehari di jalan Allah lebih baik daripada dunia dan apa yang ada padanya.

Riwayat al-Bukhari, no: 2892

al-As'ilah wa al-Ajribah al-Jihadiyyah, Peshawar: Markaz al-Shahid Azzam al-Ilami, h. 2

Hadis ini digunakan untuk menguatkan kepercayaan bahawa hukum jihad dan berperang adalah fardu ain.

Dalam kajian ini, pentafsiran golongan pengganas terhadap konsep *al-takfir* dan *al-bara'* akan dianalisis berdasarkan manhaj kritik matan hadis. Dalam tema ini, kaedah-kaedah dalam manhaj ini digunakan dengan menggunakan pendekatan *istidlal* (pendalilan) dan *jadali* (dialektik), iaitu dengan menyertakan hujah serta perdebatan berkaitan penerapan kaedah-kaedah terbabit. Kaedah ini diyakini mampu memberi gambaran menyeluruh terhadap fenomena *al-takfir* dan *al-bara'* dalam wacana terorisme, serta menilai hujah-hujah yang digunakan berdasarkan disiplin kritik matan hadis yang sahih.

Manhaj Kritik Matan Hadis

Manhaj Kritik Matan Hadis merupakan disiplin ilmu penting dalam tradisi keilmuan Islam yang memfokuskan penelitian kepada teks (matan) hadis (al-Qanuji, 1978). Manhaj ini bertujuan untuk memastikan tiada kecacatan pada lafaz hadis dan memastikan ia selaras dengan kaedah-kaedah ilmu yang sahih serta dasar agama (Amar Fatan, 2013). Ilmu ini terbina berdasarkan kritikan para Imam (ulama) terdahulu terhadap hadis-hadis ketika mereka merumuskan keputusan hukum melalui isu-isu fikah (*furu'*) dan perbincangan masalah (*masa'il*) (al-Hasyimi, 2008).

Secara ringkas, Manhaj Kritik Matan Hadis didefinisikan sebagai pendekatan yang mengandungi beberapa kaedah tertentu bertujuan untuk membezakan antara hadis yang sahih dan yang tidak sahih dari sudut matannya. Kaedah ini meneliti lafaz-lafaz hadis yang berada selepas sanad (rantai perawi) dengan memastikan hadis tersebut menepati beberapa kriteria utama.

Kaedah-kaedah yang membentuk manhaj ini merangkumi tiga perkara utama berhubungkait dengan hadis-hadis yang dijadikan hujah iaitu:

1. Tidak boleh bercanggah dengan al-Quran ('Amar, 2013).
2. Tidak boleh bercanggah dengan hadis-hadis yang lebih kuat ('Itr, 1981).
3. Hadis tidak boleh bercanggah dengan dasar agama (al-Damini, 1994).

Selain itu, Mohamad Khalid & Mohd Arif (2017) menyatakan bahawa antara keperluan utama dalam berinteraksi dengan hadis-hadis Nabi Muhammad SAW ialah mengetahui sebab-sebab ia muncul dalam persekitaran yang umum dan khusus.

Manhaj ini juga menekankan keselarasan teks hadis dengan ketetapan syariat, kaedah-kaedah bahasa Arab, dan keadaan persekitaran Nabi Muhammad SAW. (al-Qanuji, 1978). Manhaj ini berperanan untuk memastikan hadis yang diterima adalah benar-benar sesuai dengan roh wahyu dan nilai-nilai ajaran Islam yang autentik.

Dalam konteks kajian ilmiah, manhaj kritik matan hadis merupakan alat analitis yang kritikal. Ia digunakan untuk meneliti sebarang perkara yang disandarkan kepada Nabi SAW., termasuklah pentafsiran teks keagamaan. Manhaj ini memainkan peranan penting dalam menganalisis pentafsiran teks-teks agama Islam oleh golongan pengganas. Dengan mengaplikasikan kaedah-kaedah kritik matan, pentafsiran golongan pengganas akan dilihat secara mendalam dan kritikal, khususnya dari sudut teks hadis dan pengertian sebenar konsep yang bertepatan dengan roh wahyu dan maqasid syariah. Penggunaan manhaj ini membolehkan ilmuwan membezakan antara tafsiran yang sahih dan tafsiran yang menyimpang daripada landasan agama yang benar.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Analisis Konsep *al-Takfir* dan *al-Bara'*

Analisis terhadap pentafsiran konsep *al-Takfir* dan *al-Bara'* oleh golongan pegganas dikemukakan dengan menggunakan kerangka Manhaj Kritik Matan Hadis. Analisis dilakukan dengan meneliti teks-teks utama yang sering dijadikan sandaran, sama ada daripada al-Quran, hadis, ataupun pandangan ulama.

Konsep *al-Takfir*

Dari sudut bahasa, perkataan *takfir* berasal daripada akar kata “ka-fa-ra” (ك ف ر) yang membawa maksud “menutup” atau “menyembunyikan sesuatu”. Dalam penggunaan bahasa Arab, seorang petani juga disebut sebagai *kafir*, kerana dia “menutup” benih dengan tanah ketika menanamnya di bumi (Bakkar, 2020). Penggunaan makna ini turut ditemui dalam al-Quran, seperti firman Allah:

أَعْجَبَ الْكُفَّارَ نَبَأُهُ

Maksudnya: Tanamannya membuat para petani takjub dengan kesuburannya. (Al-Quran, Surah al-Hadid 57:20)

Manakala dari sudut istilah, al-Qurtubi (1964) ketika menafsirkan ayat 6 Surah al-Baqarah menjelaskan bahawa kufur itu ialah lawan kepada iman. Beliau juga menyatakan bahawa kadangkala ia membawa maksud mengingkari nikmat dan kebaikan yang dikurniakan.

Oleh itu, *takfir* secara istilahnya merujuk kepada perbuatan menisbahkan atau menghukum seseorang Muslim sebagai kafir, sama ada disebabkan perkataan atau perbuatan yang dianggap membawa kepada kekufuran (Bakkar, 2020).

Perbincangan mengenai *takfir* (mengkafirkan sesama Muslim) merupakan salah satu isu paling kritikal yang sering diselewengkan oleh golongan pegganas. Pentafsiran mereka bahawa seseorang Muslim boleh dianggap kafir hanya kerana tidak melaksanakan hukum syarak ternyata bercanggah dengan prinsip Ahli Sunah Waljamaah.

Pertama: Juhur ulama menegaskan bahawa Muslim yang tidak melaksanakan hukum syarak adalah dikategorikan sebagai pelaku dosa besar dan tidak dihukum sebagai kafir selagi mana mereka tidak menghalalkan dosa tersebut. Imam Abu al-Hasan al-Asy'ari menjelaskan bahawa orang fasik daripada kalangan ahli kiblat masih dianggap beriman, meskipun melakukan dosa besar. Beliau malah menegaskan, “Aku tidak akan mengkafirkan seorang pun daripada kalangan ahli kiblat” (al-Dhahabi, 2006). Imam Abu Mansur Al-Maturidi pula menegaskan bahawa ikrar atau pengakuan merupakan rukun tambahan, manakala hakikat iman tetap berakar pada keyakinan dalam hati (Ahmad Tayyib, 2015).

Kedua-dua pandangan ini selari dengan pendapat imam-imam besar Ahli Sunah Waljamaah iaitu Imam al-Shafi'i, Imam Abu Hanifah, Imam al-Tahawi, Imam Ahmad ibn Hanbal, dan Imam al-Bukhari yang sepakat menyatakan bahawa dosa besar tidak menyebabkan seseorang terkeluar daripada Islam, kecuali jika dosa itu dihalalkan secara terang-terangan (al-Razi, 2000; al-Tahawi, 1994; Ibn Hanbal, 1991; al-Lalaki, 2003). Dalam konteks ini, Imam Ibn Hajar menegaskan bahawa akidah menurut para salaf adalah himpunan antara keyakinan hati, lafaz dengan lidah, dan amal dengan anggota. Namun, amalan hanya dianggap sebagai syarat kesempurnaan iman, bukan syarat sah (Ibn Hajar, 1959).

Kebanyakan ulama menolak tafsiran golongan Khawarij yang menyamakan pelaku dosa besar dengan kafir. Fakhr al-Din al-Razi (2000) menjelaskan bahawa golongan Khawarij

berpegang dengan Surah al-Ma'idah (5:44) untuk mengkafirkan sesiapa yang berhukum dengan selain hukum Allah. Namun, jumhur ulama menegaskan bahawa ayat tersebut tidak boleh ditafsirkan secara mutlak, sebaliknya perlu melihat konteks dan faktor niat.

Selain itu, hadis-hadis Nabi SAW dengan jelas melarang mengkafirkan sesama Muslim dengan sewenang-wenangnya. Antaranya sabda Nabi Muhammad SAW.:

أَيُّمَا رَجُلٍ قَالَ لِأَخِيهِ يَا كَافِرٌ، فَقَدْ بَاءَ بِمَا أَحَدُهُمَا

Maksudnya: Sesiapa yang menuduh saudaranya dengan kekufuran, maka tuduhan itu akan kembali kepada salah seorang daripada mereka berdua. (Riwayat al-Bukhari, no. 6104).

Kedua: Jika diterima dan dibenarkan pentafsiran bahawa sesiapa yang tidak melaksanakan hukum Allah dianggap kafir, ia secara langsung menghalalkan semula ideologi golongan Khawarij. Golongan ini berpegang teguh kepada kepercayaan bahawa pelaku dosa besar telah kafir dan terkeluar daripada Islam. Imam Fakhr al-Din al-Razi (2000) menjelaskan bahawa hujah Khawarij adalah berlandaskan ayat al-Quran dalam Surah al-Ma'idah (5:44) dengan dakwaan bahawa sesiapa yang berhukum dengan selain daripada apa yang Allah turunkan adalah kafir, dan setiap pelaku dosa telah berhukum dengan selain daripada itu, justeru mereka wajib dikafirkan. Namun, jumhur para imam telah menegaskan bahawa pentafsiran golongan Khawarij ini adalah tidak bertepatan dengan kehendak syariat.

Ketiga: Mendakwa kufur kepada orang yang tidak melaksanakan hukum Allah adalah bercanggah dengan konsep akidah yang menyatakan bahawa pelaku dosa besar tidak dikira sebagai terkeluar dari agama. Terdapat banyak ayat Al-Quran yang menyatakan bahawa pelaku dosa besar masih lagi dikira sebagai mukmin. Sebagai contoh, terdapat ayat al-Quran yang masih menggunakan ungkapan mukmin terhadap orang yang saling berbunuhan, walhal berbunuhan itu adalah salah satu amalan dosa besar. Firman Allah:

وَإِنْ طَائِفَتَانِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ اقْتَتَلُوا فَأَصْلَحُوا بَيْنَهُمَا

Maksudnya: Dan kalau ada dua golongan dari mereka yang beriman itu berperang hendaklah kamu damaikan antara keduanya. (Al-Quran, Surah Al-Hujurat 49:9)

Dalam perspektif yang lain, Allah SWT menyifatkan dengan sifat mukmin terhadap pelaku dosa dalam bentuk enggan keluar berjihad pada jalan Allah. Firman Allah SWT:

كَمَا أَخْرَجَكَ رَبُّكَ مِنْ بَيْتِكَ بِالْحَقِّ وَإِنَّ فَرِيقًا مِنَ الْمُؤْمِنِينَ لَكَارِهُِونَ * يُجَادِلُونَكَ فِي الْحَقِّ بَعْدَ مَا تَبَيَّنَ كَأَنَّمَا يُسَافُونَ إِلَى الْمَوْتِ وَهُمْ يَنْظُرُونَ

Maksudnya: Sebagaimana Tuhanmu menyuruhmu pergi dari rumahmu dengan kebenaran, padahal sesungguhnya sebahagian dari orang-orang yang beriman itu tidak menyukainya * mereka membantahmu tentang kebenaran sesudah nyata (bahawa mereka pasti menang), seolah-olah mereka dihalau kepada kematian, sedang mereka melihat (sebab-sebab kematian itu). (Al-Quran, Surah al-Anfal 8:5-6)

Dalam ayat lain, perkataan seruan “Wahai orang beriman” digunakan dalam Al-Quran kepada orang mukmin yang tidak melakukan apa yang mereka perkatakan, walhal perbuatan tersebut merupakan salah satu dosa besar. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَفْعَلُونَ * كَبُرَ مَقْتًا عِنْدَ اللَّهِ أَنْ تَقُولُوا مَا لَا تَفْعَلُونَ

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, kenapakah kamu mengatakan sesuatu yang tidak kamu kerjakan? * Amat besar kebencian di sisi Allah bahwa kamu mengatakan apa-apa yang tidak kamu kerjakan. (Al-Quran, Surah al-Saf 61:2-3)

Oleh itu, tindakan menghakimi atau melabelkan hukum kafir kepada pelaku dosa besar adalah bercanggah dengan ajaran al-Quran sendiri. Justeru, pentafsiran golongan pengganas bahawa tidak berhukum dengan hukum Allah sudah cukup untuk dianggap sebagai kafir adalah tidak tepat sama sekali. (Ahmad Tayyib, 2015)

Berdasarkan perbincangan ini, dapat disimpulkan bahawa tidak melaksanakan hukum syariat dalam sesuatu perkara tidak serta-merta menyebabkan seseorang itu kafir, termasuklah pemerintah. Jika tidak melaksanakan hukum syariat dalam perkara yang bersifat *qat'i al-dalalah* (pasti dan jelas maksudnya) sekalipun tidak boleh dianggap kafir, maka lebih-lebih lagi berkenaan isu yang berkait dengan faktor masalah masyarakat umum atau dalam perkara yang bersifat *ẓanni* (bersifat jangkaan atau tidak pasti).

Oleh itu, dakwaan bahawa seseorang Muslim menjadi kafir hanya kerana tidak melaksanakan hukum syariat adalah pentafsiran yang bercanggah dengan al-Quran, sunah, dan ijmak ulama. Tindakan golongan pengganas ini seolah-olah usaha menghidupkan kembali pemikiran Khawarij yang ekstrem, yang telah lama ditolak oleh tradisi Islam muktabar.

Konsep Al-Barā'

Dari sudut bahasa, perkataan *al-Bara'* (البراء) membawa maksud berlepas diri, memutuskan tanggungjawab, dan melepaskan diri daripada sesuatu ikatan atau hubungan, sama ada dalam bentuk keyakinan, amalan mahupun keterikatan (Ibn Manzur, 1414 H). Pengertian ini dapat difahami sebagai “pemutusan tanggungjawab” melalui firman Allah SWT dalam Surah al-Taubah:

بَرَاءَةٌ مِنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ إِلَى الَّذِينَ عَاهَدْتُمْ مِنَ الْمُشْرِكِينَ

Maksudnya: (Ini adalah) pemutusan tanggungjawab daripada Allah dan Rasul-Nya terhadap kaum musyrik yang kamu telah mengikat perjanjian dengan mereka. (Al-Quran, Surah al-Taubah 9:1)

Manakala makna *al-Bara'* sebagai “berlepas diri” pula dapat dilihat dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Sa'īd al-Khudri RA, di mana Rasulullah SAW bersabda:

سَيَكُونُ مِنْ بَعْدِي أُمَرَاءُ يُعْشَاهُمْ غَوَاشٍ مِنَ النَّاسِ فَمَنْ صَدَّقَهُمْ بِكَذِبِهِمْ وَأَعَاثَهُمْ عَلَى ظُلْمِهِمْ فَأَنَا مِنْهُ بَرِيءٌ وَهُوَ مِنِّي بَرِيءٌ

Maksudnya: Akan datang selepasku para pemerintah yang dikelilingi oleh golongan jahat. Sesiapa yang membenarkan dusta mereka dan membantu kezaliman mereka, maka aku berlepas diri daripadanya, dan dia juga berlepas diri daripadaku. (Riwayat Ibn Hibban, no. 286)

Hakikat pengertian ini juga terdapat dalam firman Allah SWT yang menggambarkan sikap Nabi Ibrahim AS:

وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ لِأَبِيهِ وَقَوْمِهِ إِنَّنِي بَرَاءٌ مِمَّا تَعْبُدُونَ

Maksudnya: Dan (ingatlah) ketika Ibrahim berkata kepada bapanya dan kaumnya: Sesungguhnya aku berlepas diri daripada apa yang kamu sembah. (Al-Quran, Surah al-Zukhruf 43:26)

Dari sudut istilah, *al-Bara'* merujuk kepada sikap menjauhkan diri, membebaskan diri daripada sesuatu yang batil, dan dalam keadaan tertentu boleh melibatkan unsur penolakan atau permusuhan setelah diberikan penjelasan serta peringatan (Muhammad Sa'īd al-Qahtan, 1413 H).

Walaupun konsep *al-Bara'* sering dibincangkan bersama dengan konsep *al-Wala'*, kajian ini memberi fokus khusus kepada konsep *al-Bara'* sahaja, memandangkan ia merupakan antara konsep yang sering dijadikan sandaran utama oleh golongan pengganas dalam melegitimasi tindakan ganas mereka.

Pemesongan makna dan pengertian sebenar konsep ini menatijahkan sikap ekstrem dengan membenci semua bukan Muslim. Mereka berhujah dengan Surah al-Fath (48:29) bahawa ciri-ciri utama orang beriman adalah keras terhadap orang kafir dan berlembut sesama Muslim. Namun, analisis berdasarkan Manhaj Kritik Matan Hadis menunjukkan pentafsiran ini bersifat terencil, tidak menyeluruh dan terkeluar daripada konteks sebenar. Hal ini kerana, terdapat percanggahan dengan beberapa ayat al-Quran dan hadis sebagaimana perbahasan berikut.

Pertama: Jika membenci orang bukan Muslim adalah tuntutan akidah, sudah pasti bercanggah dengan perasaan Nabi SAW yang amat sayang kepada Abu Talib yang meninggal dunia sebagai bukan Muslim. (Riwayat al-Bukhari, no: 1360). Bahkan, Allah SWT sendiri menegaskan tentang hal ini dalam firman-Nya:

إِنَّكَ لَا تَهْدِي مَنْ أَحْبَبْتُ وَلَكِنَّ اللَّهَ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ

Maksudnya: Sesungguhnya kamu tidak dapat memberi hidayah kepada orang yang kamu kasih, tetapi Allah memberi hidayah kepada sesiapa yang Dia kehendaki. (Al-Quran, Surah al-Qasas, 28:56).

Kedua: Jika membenci bukan Muslim adalah tuntutan akidah, sudah pasti sikap ini bercanggah dengan ayat al-Quran yang menyuruh berbuat baik terhadap ibubapa walaupun bukan Muslim. Firman Allah SWT:

وَإِنْ جَاهَدَاكَ عَلَى أَنْ تُشْرِكَ بِي مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ فَلَا تُطِعْهُمَا وَصَاحِبُهُمَا فِي الدُّنْيَا مَعْرُوفًا

Maksudnya: Dan jika mereka berdua mendesakmu supaya engkau mempersekutukan denganKu sesuatu yang engkau - dengan fikiran sihatmu - tidak mengetahui sungguh adanya maka janganlah engkau taat kepada mereka; dan bergaulah dengan mereka di dunia dengan cara yang baik. (Al-Quran, Surah Luqman 31:15)

Ketiga: Jika membenci bukan Muslim adalah tuntutan akidah, sudah pasti ia juga bercanggah dengan ayat al-Quran yang membenarkan perkahwinan dengan perempuan Ahli Kitab. Firman Allah SWT:

الْيَوْمَ أُحِلَّ لَكُمْ الْطَّيِّبَاتُ وَطَعَامُ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ حِلٌّ لَكُمْ وَطَعَامُكُمْ حِلٌّ لَهُمْ وَالْمُحْصَنَاتُ مِنَ الْمُؤْمِنَاتِ وَالْمُحْصَنَاتُ مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ مِنْ قَبْلِكُمْ

Maksudnya: Pada masa ini dihalalkan bagi kamu (memakan makanan) yang lazat-lazat serta baik-baik. Dan makanan (sembelihan) orang-orang yang diberikan Kitab itu adalah halal bagi kamu, dan makanan (sembelihan) kamu adalah halal bagi mereka (tidak salah kamu memberi makan kepada mereka). Dan (dihalalkan kamu berkahwin) dengan perempuan-perempuan yang menjaga kehormatannya - di antara perempuan-perempuan yang beriman, dan juga perempuan-perempuan yang menjaga kehormatannya dari kalangan orang-orang yang diberikan Kitab dahulu daripada kamu. (Al-Quran, Surah al-Ma'idah 6:5)

Allah SWT bukan sekadar memberi kebenaran mengahwini wanita Ahli Kitab yang bukan Islam, malah dalam ayat yang lain menyatakan bahawa tujuan perkahwinan ialah untuk memupuk kasih sayang. Firman Allah SWT:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

Maksudnya: Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan

kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandung keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir. (Al-Quran, Surah al-Rum 30:21)

Berdasarkan perbezaan zahir daripada mafhum beberapa ayat al-Quran dan hadis tersebut, maka penjelasan berkenaan maksud ayat Surah al-Fath (48:29) bahawa sifat orang beriman ialah keras terhadap orang kafir dan berlembut sesama Muslim adalah seperti berikut:

Pertama: Ayat tersebut diturunkan dalam konteks Perjanjian Hudaibiyah, sebagaimana pandangan yang dinyatakan oleh Ibn ‘Atiyyah (2002) dan diperkukuhkan oleh Ibn ‘Ashur (1984). Lafaz “*Ayyidda’ ‘ala al-Kuffar*” merujuk khusus kepada puak Quraisy yang memusuhi Rasulullah SAW ketika itu, dan tidak merujuk kepada semua golongan bukan Muslim secara mutlak.

Kedua: Terdapat hadis menunjukkan bahawa kebencian dalam iman ialah kebencian terhadap akidah kufur, bukan terhadap individu penganutnya. Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Anas ibn Malik RA, beliau menyatakan bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda:

ثَلَاثٌ مَنْ كُنَّ فِيهِ وَجَدَ حَلَاوَةَ الْإِيمَانِ: أَنْ يَكُونَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِمَّا سِوَاهُمَا، وَأَنْ يُحِبَّ الْمَرْءَ لَا يُحِبُّهُ إِلَّا لِلَّهِ، وَأَنْ يَكْرَهُ أَنْ يُعْودَ فِي الْكُفْرِ كَمَا يَكْرَهُ أَنْ يُغْدَفَ فِي النَّارِ

Maksudnya: Tiga perkara jika seseorang itu mempunyai perkara itu, dia akan mendapati kemanisan iman; bahawa dia sayangi Allah dan rasul lebih dari selainnya, bahawa dia tidak cintakan seseorang kecuali kerana Allah, dan bahawa dia benci kembali kepada kekufuran, sepertimana dia benci dicampak ke dalam api. (Riwayat al-Bukhari, no: 16)

Tambahan pula, para ulama kontemporari seperti Yusuf al-Qaradawi (2002) menegaskan bahawa kebencian yang dituntut ialah terhadap kezaliman, permusuhan, dan serangan mereka terhadap umat Islam, bukan terhadap identiti kemanusiaan mereka.

Kesimpulannya, ayat dari Surah al-Fath (48:29) yang menyifatkan orang beriman sebagai “keras terhadap orang kafir dan berlembut sesama mereka” tidak boleh difahami secara literal, mutlak dan umum terhadap semua bukan Muslim dalam semua keadaan. Sebaliknya, ia perlu difahami dalam konteks sejarah penurunannya, iaitu merujuk kepada golongan Quraisy yang ketika itu memusuhi dan memerangi umat Islam. Maka, “keras” di sini adalah sikap tegas secara khusus terhadap pihak yang zalim dan memusuhi, bukan terhadap semua kafir secara keseluruhan. Dalam masa yang sama, ajaran Islam membezakan antara kebencian terhadap kekufuran dengan hubungan kemanusiaan terhadap individu. Kasih sayang, hubungan kekeluargaan, dan layanan baik terhadap bukan Muslim tetap diiktiraf, sebagaimana ditunjukkan dalam sikap Rasulullah SAW terhadap Abu Talib.

Pandangan ulama juga menegaskan bahawa sikap tegas itu ditujukan kepada kezaliman, permusuhan, dan penindasan, bukan kepada identiti seseorang semata-mata. Oleh itu, ayat ini sebenarnya mendidik sikap seimbang dalam interaksi sesama manusia iaitu tegas terhadap kezaliman dan permusuhan, tetapi tetap berakhlak dengan rahmah, adil, dan ihsan dalam hubungan sesama manusia.

Analisis terhadap pentafsiran golongan pengganas mengenai pemesongan pentafsiran konsep *al-takfir* dan *al-bara’* melalui Manhaj Kritik Matan Hadis mendedahkan beberapa dapatan utama yang signifikan. Hal ini sekaligus mengesahkan bahawa hujah golongan pengganas adalah tidak sahih, bertentangan dengan tradisi keilmuan Islam, serta bercanggah dengan prinsip Ahli Sunah Waljamaah dari beberapa aspek seperti berikut:

Pertama: Pemisahan metodologi dalam konsep *al-takfir*. Golongan pengganas memperluaskan skop *al-Takfir* dengan mengkafirkan pemerintah yang dianggap tidak berhukum sepenuhnya dengan syariat. Pendirian sebegini bercanggah dengan *Usul al-Aqidah*, iaitu para ulama bersepakat bahawa pelaku dosa besar tidak dianggap kafir, selagi mereka tidak menghalalkan perbuatan dosa

tersebut. (Tayyib, 2014) Hujah teroris yang bersandarkan pentafsiran literal Surah al-Ma'idah (5:44) telah ditolak oleh ulama Ahli Sunah Waljamaah kerana ayat tersebut mestilah difahami dalam konteksnya yang spesifik, bukan secara mutlak. Tambahan pula, hadis-hadis sahih menyatakan dengan jelas mengenai larangan keras sebarang tuduhan kafir tanpa justifikasi yang benar.

Kedua: Salah tafsir kontekstual terhadap konsep *al-bara'*. Dalam konteks ini, golongan pengganas mentafsirkan *al-bara'* sebagai kewajiban akidah untuk membenci semua bukan Muslim secara mutlak dan menjadikannya asas teologi bagi pelaksanaan jihad bersenjata tanpa batasan. Kesalahan tersebut dapat dilihat dari sudut penyalahgunaan konteks dalam mentafsirkan ayat Surah al-Fath (48:29) yang menyatakan "bersikap keras dan tegas terhadap orang-orang kafir". Pentafsiran yang dilakukan adalah bersifat literal dengan mengabaikan konteks *asbab al-nuzul*, iaitu secara khususnya merujuk kepada Perjanjian Hudaibiyah dan permusuhan Quraisy terhadap Islam.

Di samping itu, pentafsiran demikian bercanggah dengan nas-nas al-Quran yang membenarkan hubungan baik dan adil dengan bukan Muslim yang berdamai, seperti perintah berbuat baik kepada ibu bapa bukan Islam (Surah Luqman 31:15) dan keizinan perkahwinan dengan Ahli Kitab (Surah al-Ma'idah 5:5). Tambahan pula, terdapat hadis-hadis yang mengesahkan bahawa kebencian yang dituntut dalam iman ialah terhadap akidah kufur itu sendiri, bukan terhadap individu penganutnya. Hal ini adalah sepertimana kasih sayang Rasulullah SAW terhadap bapa saudaranya, Abu Talib. Malahan, ulama kontemporari turut memperjelaskan bahawa hakikat sebenar konsep *al-bara'* hanya menuntut kebencian terhadap kezaliman dan permusuhan yang ditujukan kepada Muslim, bukan terhadap identiti kemanusiaan.

Ketiga: Konsistensi sejarah dengan doktrin golongan Khawarij. Amalan *al-takfir* dalam kalangan pengganas mempunyai akar sejarah yang jelas, iaitu mewarisi doktrin golongan Khawarij yang terkenal dengan tindakan ekstrem mengkafirkan masyarakat Islam lain yang berbeza pandangan dengan mereka. Tokoh ulama kontemporari seperti Ahmad Tayyib dan al-Qurradaghi menegaskan bahawa mengkafirkan ahli kiblat adalah ciri khas golongan Khawarij dan bukan sebahagian daripada amalan Ahli Sunah Waljamaah.

Keempat: Pentafsiran golongan pengganas secara konsisten gagal menepati disiplin kritikal Manhaj Kritik Matan Hadis. Mereka mengamalkan pemetikan teks secara terpisah, mengabaikan konteks *asbab al-nuzul* (sebab penurunan ayat al-Quran) dan *asbab al-wurud* (sebab tercetus hadis) serta mengenyepikan syarat-syarat pentafsiran dan pandangan ulama muktabar. Oleh itu, penggunaan Manhaj Kritik Matan Hadis ini berfungsi sebagai mekanisme saintifik untuk mendedahkan bahawa hujah-hujah teologi mereka adalah lemah, tidak berautoriti, dan bercanggah dengan tradisi ilmiah Islam yang memberi penekanan terhadap aspek keadilan (*'adl*), belas kasihan (*rahmah*), dan matlamat syariat.

KESIMPULAN

Kajian ini merumuskan bahawa golongan pengganas telah menyalahgunakan konsep *al-takfir* dan *al-bara'* lantas memesongkan hakikat makna kedua-dua konsep tersebut melalui pendekatan pentafsiran literal, sempit, dan tidak menyeluruh. Pentafsiran golongan pengganas secara konsisten gagal menepati disiplin ilmiah kerana mereka memetik teks secara terpisah dan mengabaikan konteks serta pandangan ulama muktabar. Natijahnya, kesimpulan yang mereka hasilkan berbeza dengan tradisi Ahli Sunah Waljamaah yang menetapkan bahawa *al-takfir* tidak boleh diaplikasikan secara sewenang-wenangnya. Manakala konsep *al-bara'* pula tidak membawa maksud permusuhan mutlak, sebaliknya membawa mesej pendidikan sikap seimbang dalam interaksi antara kelompok masyarakat berasaskan prinsip *'adl* (keadilan) dan *rahmah* (belas kasihan).

serta seiring dengan roh dan tujuan syariat. Justeru, Manhaj Kritik Matan Hadis adalah alat penting untuk mendedahkan kelemahan hujah teologi teroris dan mengembalikan naratif agama kepada tradisi ilmiah yang sahih dan autentik.

PENGHARGAAN

Makalah ini adalah sebahagian daripada projek penyelidikan di peringkat Ijazah Doktor Falsafah Sastera bidang pengkhususan Agama dan Kontemporari di Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Kelantan.

SUMBANGAN PENGARANG

Konsepsi, reka bentuk, Wan Ji & Burhan; Pengumpulan data, Wan Ji; Analisis data dan perbincangan, Wan Ji & Burhan; pembacaan pruf dan penyuntingan, Burhan. Semua pengarang telah membaca dan bersetuju menerima versi manuskrip yang diterbitkan.

KONFLIK KEPENTINGAN

Tiada sebarang konflik kepentingan (kewangan, peribadi atau profesional) yang boleh mempengaruhi penulisan dan penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN ETIKA

Kajian ini tidak melibatkan subjek manusia atau haiwan. Semua data yang digunakan diperoleh daripada sumber yang boleh diakses secara umum dan tidak mengandungi sebarang maklumat peribadi yang boleh dikenal pasti. Oleh itu, kelulusan etika tidak diperlukan.

PERNYATAAN TEKS YANG DIHASILKAN OLEH KECERDASAN BUATAN (AI)

Tiada alat Kecerdasan Buatan (AI) digunakan untuk menghasilkan kandungan asal, menjalankan analisis, atau menggantikan mana-mana bahagian sumbangan intelektual penyelidik.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Sumbangan asal yang dibentangkan dalam kajian ini telah disertakan dalam artikel/bahan tambahan. Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan kepada penulis koresponden.

RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim.
- Adam, A. & Mahali, S.N. (2015). *Penyelidikan dan Penulisan Ilmiah*. Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- 'Amar, F. (2013). Naqd matn al-hadith 'inda al-Sahabah: Al-Sayyidah 'Aisyah namudhajan. *Jurnal al-Tajdid*, 17 (33). 83-118. <https://journals.iium.edu.my/at-tajdid/index.php/tajdid/article/view/11/11>
- Bakkar, Y.A. (2020). *Ta'sil Dawabit al-Takfir: Dirasah Fiqhiyyah Tabliliyyah*. Malaysian Journal of Syariah and Law, 8 (2), 72-84. <https://doi.org/10.33102/mjssl.vol8no2.240>
- al-Daminiy, M.A. (1994). *Maqayis Naqd Mutun al-Sunnah*. Maktabat al-Rusyd.
- Al-Dhahabi, S.A.A.M (2006). *Siyar A'lam al-Nubala'*. Dar al-Hadith
- Faraj, M.A.S. (t.t). *al-Jihad al-Faridah al-Gha'ibah*. Palestine Book.
- Hamzah, M. (2015). *Thaqafat al-Irbab wa Khataruhu 'ala al-Salam al-'Alami*. Universiti Al-Azhar.
- Hamzah, M. (2016). *Thaqafat al-irhab: Qira'ah Shar'iyah*. Dalam A. Tayyib, *Al-Azhar fi Muwajahah al-Fikr al-Irhabi*. Dar al-Quds al-'Arabi.
- Al-Hasymi, S.A.H. (2008). *Buhuth fi Naqd Riwayat al-Hadith*. Manshurat Nazirin.
- Ibn 'Ashur, T.A. (1984). *Al-Tahrir wa al-Tanwir*. al-Dar al-Tunisiyyah li al-Nashr.
- Ibn 'Atiyyah, A.H.G. (2002). *Al-Muharrar al-Wajiz fi Tafsir al-Kitab al-'Aziz*. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Ibn Hajar, A.A. (1959). *Fath al-Bari fi Sharh Sahib al-Bukhari*. Dar al-Ma'rifah.
- Ibn Hanbal, A. (1991). *Usul al-Sunnah*. Dar al-Manar.
- 'Itr, N.D. (1981). *Manhaj al-Naqd fi 'Ulum al-Hadith*. Dar al-Fikr.
- Al-Lalaka'i, A.Q.H (2003). *Sharh Usul I'tiqad Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Dar al-Tayyibah.
- Mohamad Khalid. B. & Mohd Arif. N. (2017). Penyelesaian Mukhtalaf al-Hadith melalui metode al-jam'u dalam karya Aslu Sifat Solat Nabi SAW oleh Nasiruddin al-Albani. *Jurnal al-Turath*, 2(2), 38-48.
- Mohd Khairul Naim. C.N & Muhamad Syafriz M.N. (2020). Faktor penglibatan belia Muslim Malaysia dengan terorism: Analisis perspektif PDRM dan Panel Pemulihan Deradikalisasi. *Jurnal Usuluddin*, 48(1), 1-32. <https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol48no1.1>
- Mohd Yusri. I. (2017). *Sembang Santai Penyelidikan*. Bandar Ilmu, Besut.

- Muhamad Syafriz M.N & Mohd Khairul Naim. C.N. (2021). Sorotan perkembangan terorisme moden: Analisis hubungan terorisme baharu dengan Gerakan Militan Muslim. *Jurnal Usuluddin*, 49(2): 171-198. <https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol49no2.6>
- Al-Qanuji, S.H. (1978). *Abjad al-Ulum*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Qaradawi, Y. (2002). *Fatawa Mu'asirah*. Dar al-Qalam.
- Al-Qurradaghi, 'A.M. (2018). *Al-Islam al-Rahmah wa Zahirat al-Irbab*. Dār al-Basha'ir al-Islamiyyah.
- al-Qahtan, M.S. (1413). *al-Wala' wa al-Bara' fi al-Islam*. Dar Taibah.
- Al-Razi, F.A.A. (2000). *Mafatih al-Ghayb*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Al-Tahawi, A.M.S. (1994). *Takhrir al-'Aqidat al-Tahawiyah*. al-Maktab al-Islami.
- Tayyib, A. (2014). *Khatar al-Takfir*. Dalam *Tashih al-Mafahim: Mu'tamar al-Azhar al-'Alami li Muwajabat al-Tatarruf wa al-Irbab*. Silsilah Majma' al-Buhuth al-Islamiyyah.
- Tayyib, A. (2015). *Al-Irbab wa Khataruhu 'ala al-Salam al-'Alami*. Silsilah Majma' al-Buhuth al-Islamiyyah.
- Umar, S. (t.t). *Al-Idah lima fi Dustur al-Yaman min al-Kufr al-Banwah wa Istinfar Abl al-Yaman li Jihad Abl al-Riddah wa al-Ibad*. Markaz al-Shahid 'Azzam al-'Ilami.